



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

PENGUMUMAN

LANJUTAN TEMPOH PELAWAAN

PERMOHONAN SEWAAN KOMPLEKS HENTIAN PENAWAR SUNGAI CHEMARAN II, 81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR.

Ruj : Bil. (1) I / HENTIAN PENAWAR / 2023

Sukacita dimaklumkan tempoh pengiklanan bagi permohonan Sewaan Kompleks Hentian Penawar dilanjutkan selama empat belas (14) hari lagi sepertimana berikut :

TARIKH BUKA IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN (ASAL)	TARIKH TUTUP IKLAN (BARU)
15 Mei 2023	13 Jun 2023	27 Jun 2023

Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi **Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA** di talian **07-8843156**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA
Tel : 07-8843000
Fax : 07-8221619 / 07-8221600

Tarikh : 13 Jun 2023



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA

IKLAN:

Ruj.: Bil. (1) I / HENTIAN PENAWAR / 2023

PELAWAAN PERMOHONAN SEWAAN KOMPLEKS HENTIAN PENAWAR SUNGAI CHEMARAN II, 81930 BANDAR PENAWAR, JOHOR.

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 Lokasi dan Alamat Premis:

LOKASI	ALAMAT PREMIS
Bandar Penawar	Kompleks Hentian Penawar, Sg Chemaran II, 81930 Bandar Penawar, Johor

1.2 Jenis perniagaan yang dibenarkan adalah perniagaan makanan dan minuman, buah-buahan, serbaneka, cenderahati, dan perkhidmatan.

1.3 Lokasi premis adalah sebagaimana bertanda merah dalam pelan di **LAMPIRAN 1**.

1.4 Tempoh sewaan premis adalah selama **tiga (3) tahun** dengan **opsyen sewaan selama dua (2) tahun**.

1.5 Komponen-komponen yang terdapat di Kompleks Hentian Penawar adalah sebagaimana berikut :

- i) Gerai bersaiz 3m x 6m sebanyak 20 unit
- ii) Gerai bersaiz 9m x 9m sebanyak 2 unit
- iii) Tandas (Lelaki dan Wanita)
- iv) Surau (Lelaki dan Wanita)

Catitan: Gambar premis adalah sebagaimana di **LAMPIRAN 2**.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN BAYARAN-BAYARAN BERKAITAN

- 2.1 Syarat-syarat permohonan adalah sebagaimana berikut :
- i. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas;
 - ii. Syarikat atau koperasi atau individu yang bertaraf Bumiputera;
 - iii. Berpengalaman menjalankan operasi perniagaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
 - iv. Pemohon sedang menjalankan perniagaan.
- 2.2 Bayaran-bayaran yang akan dikenakan adalah merangkumi bayaran deposit sewaan bangunan dan utiliti pada kadar yang akan ditetapkan kemudian.
- 2.3 Syarat-syarat lain bagi pengusaha adalah sepertimana berikut :
- i. Pengusaha hendaklah mengendalikan dan menguruskan keseluruhan Kompleks Hentian Penawar.
 - ii. Operasi hendaklah dilaksanakan secara layan diri dan tiada pemilikan meja atau kerusi bagi setiap gerai.
 - iii. Gerai mesti beroperasi sekurang-kurangnya dua belas (12) jam sehari dan enam (6) hari seminggu.
 - iv. Pengusaha hendaklah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan keseluruhan Kompleks Hentian Penawar.
 - v. Pengusaha hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan Kompleks Hentian Penawar ini.
 - vi. Pengusaha tidak dibenarkan untuk menambah ruang tambahan di premis tanpa kelulusan bertulis daripada pihak KEJORA.
 - vii. Pengusaha dikehendaki menyediakan kelengkapan peralatan perniagaan sendiri.
 - viii. Pengusaha hendaklah menyediakan papan tanda gerai yang seragam untuk kesemua gerai.

- ix. Pengusaha dikehendaki untuk mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak Majlis Perbandaran Pengerang dan lesen-lesen lain yang berkaitan di atas tanggungan sendiri.
- x. Pengusaha dan pekerja-pekerja gerai makanan dan minuman dikehendaki untuk mengambil suntikan kesihatan yang diperlukan.
- xi. Syarat-syarat lain akan diperincikan setelah tawaran sewaan premis ini dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.

3.0 PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan adalah perlu dikemukakan melalui Borang Permohonan Sewaan Premis yang boleh diperolehi secara percuma melalui kaedah berikut:
 - i. Memuat turun di laman web KEJORA : www.kejora.gov.my, atau;
 - ii. Mengisi borang permohonan secara atas talian melalui *google form* iaitu: <https://forms.gle/H9vy1kSkG49oW4Y97>
- 3.2 Pemohon adalah dinasihatkan agar membuat semakan dan lawatan ke atas premis yang berkenaan sebelum mengemukakan permohonan.
- 3.3 Dokumen-dokumen yang **PERLU** disertakan bersama Borang Permohonan Sewaan Premis adalah sebagaimana berikut:
 - i. Salinan Kad Pengenalan
 - ii. Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) **ATAU** Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 - iii. Salinan Borang 9, Borang 24, Borang 44, Borang 49 **DAN** Salinan Sijil Saham (sekiranya berkaitan)
 - iv. Salinan Lesen Perniagaan (jika ada)
 - v. Salinan Penyata Kewangan terkini **ATAU** Penyata Akaun Bank (3 bulan terakhir)
 - vi. Salinan sijil **ATAU** dokumen sokongan lain yang berkaitan (contoh Persijilan Halal, penyertaan kursus & lain-lain)
 - vii. Kertas cadangan perniagaan (Mandatori)

- 3.4 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada alamat berikut :

**BAHAGIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI,
LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA,
BANGUNAN IBUPEJABAT KEJORA,
JALAN DATO' HJ. HASSAN YUNUS,
81930 BANDAR PENAWAR,
JOHOR.**

atau;

emelkan ke alamat emel berikut : kejora@kejora.gov.my.

- 3.5 Sekiranya pemohon gagal untuk mengemukakan dokumen-dokumen sepertimana di para 3.1 dan 3.3 diatas, maka permohonan tersebut adalah dianggap tidak lengkap dan **TERBATAL** serta tidak akan diproses.
- 3.6 Tarikh tutup permohonan (lanjutan) adalah pada **27 JUN 2023 (SELASA) sebelum jam 5.00 petang**. Borang yang diterima selepas daripada tempoh tersebut tidak akan diterima dan diproses.
- 3.7 Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi **Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani, KEJORA** di talian **07-8843000** atau **07-8843156**.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Pertanian dan Industri Asas Tani,
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara,
b.p. Pengurus Besar KEJORA

Tarikh Iklan : 15 MEI 2023

LAMPIRAN 1

LOKASI KOMPLEKS HENTIAN PENAWAR



LAMPIRAN 2



Gambar 1 : Laluan masuk utama Hentian Penawar



Gambar 2 : Gerai bersaiz 3m x 6m (luar)

LAMPIRAN 2



Gambar 3 : Gerai bersaiz 3m x 6m (dalam)



Gambar 4 : Gerai bersaiz 9m x 9m

LAMPIRAN 2



Gambar 5 : Surau Lelaki dan Wanita



Gambar 6 : Tandas Lelaki dan Wanita

LAMPIRAN 2



Gambar 7 : Ruang legar untuk aktiviti